



22 Disember 2014  
22 December 2014  
P.U. (A) 340

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)  
(LEBUH RAYA PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU) 2014

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)  
(COLLECTION OF TOLLS) (NEW NORTH KLANG STRAITS  
BYPASS EXPRESSWAY) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Pintas Selat Klang Utara Baru) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 23 Disember 2014.

**Pemberikuasaan untuk memungut tol**

2. (1) Jejak Melewar Sdn. Bhd. diberi kuasa bagi tempoh mulai 23 Disember 2014 hingga 22 Disember 2032 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi Plaza Tol Bukit Raja ke mana-mana arah, dalam ruang (3) Jadual Pertama bagi Plaza Tol Kapar ke mana-mana arah, dalam ruang (4) Jadual Pertama bagi Plaza Tol Kapar Laluan Timur dari Kapar ke Bukit Raja dan dari Pelabuhan Klang ke Kapar, dalam ruang (5) Jadual Pertama bagi Plaza Tol Kapar Laluan Barat dari Bukit Raja ke Kapar dan dari Kapar ke Pelabuhan Klang bagi penggunaan mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pintas Selat Klang Utara Baru yang bermula di koordinat U 339212.275, T 386316.274 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM2000) yang menghala berterusan ke arah utara dan kemudian ke barat melalui Persimpangan Bertingkat Meru, Persimpangan Bertingkat Kapar, Persimpangan Bertingkat Bandar Sultan Sulaiman dan Persimpangan Bertingkat Pelabuhan Utara dan berakhir di koordinat U 333849.847, T 375142.069 Grid RSO Geosentrik (GDM2000), oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

### **Pembayaran tol**

3. (1) Tol yang dinyatakan dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum memasuki Plaza Tol Bukit Raja yang terletak di kilometer 15 di koordinat U 340190.307, T 386690.561 Grid RSO Geosentrik (GDM2000), Plaza Tol Kapar yang terletak di kilometer 9.9 di koordinat U 336603.623, T 376855.171 Grid RSO Geosentrik (GDM2000), Plaza Tol Kapar Laluan Timur yang terletak di kilometer 9.0 di koordinat U 339860.282, T 380181.944 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) dan Plaza Tol Kapar Laluan Barat yang terletak di kilometer 9.0 di koordinat U 339646.570, T 380659.287 Grid RSO Geosentrik (GDM2000).

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan suatu kad atau peranti elektronik hendaklah melalui lorong tol yang mempunyai suatu mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dikhaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik di cermin hadapan kenderaan, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” yang disebut dalam perenggan ini ertinya—

(a) sesuatu kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;

- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan sesuatu tag elektronik, suatu tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

**Pengecualian daripada pembayaran tol**

- 4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol.

**Pembatalan**

- 5. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru) 2002 [*P.U. (A) 194/2002*] dibatalkan.

## JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

## KADAR TOL

(1) Kelas Kenderaan	Tol Kena Dibayar					
	(2) Plaza Tol Bukit Raja	(3) Plaza Tol Kapar	(4) Plaza Tol Kapar Laluan Timur		(5) Plaza Tol Kapar Laluan Barat	
			Kapar ke Bukit Raja	Pelabuhan Klang ke Kapar	Bukit Raja ke Kapar	Kapar ke Pelabuhan Klang
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas)	0.60	2.70	1.40	1.60	1.40	1.60
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)	1.10	4.80	2.50	2.80	2.50	2.80
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)	1.60	6.80	3.50	4.00	3.50	4.00
4. Teksi	0.30	1.40	0.70	0.80	0.70	0.80
5. Bas	0.60	2.40	1.30	1.40	1.30	1.40

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

JADUAL KEDUA

[Subperenggan 2(2)]

PETA LEBUH RAYA PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU



JADUAL KETIGA

[Perenggan 4]

KENDERAAN YANG DIKECUALIKAN

1. Mana-mana kenderaan yang membawa Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong, Raja-Raja atau Permaisuri Baginda, Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau isteri-isteri mereka, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan atau Tengku Besar Tampin atau isteri-isteri mereka, Tengku Mahkota atau Raja Muda mana-mana Negeri atau isteri-isteri mereka, Raja Di-Hilir Perak atau isterinya, atau mana-mana pembesar asing yang datang melawat.
2. Mana-mana kenderaan Kerajaan yang membawa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.
3. Semua kenderaan tentera yang dimiliki oleh kerajaan atau oleh mana-mana angkatan pelawat yang ditakrifkan dalam Akta Angkatan Pelawat 1960 [*Akta 432*].
4. Semua kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran, tugas polis atau tugas menyelamatkan termasuk kenderaan pasukan penyelamat dari Jabatan Pertahanan Awam dan kenderaan dari Jabatan Penjara semasa menjalankan tugas mengiringi banduan.
5. Semua kenderaan yang bukan kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran dan tugas menyelamatkan.
6. Semua motosikal beroda tiga atau beroda empat yang digunakan oleh mana-mana orang cacat.
7. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan dua roda.

Dibuat 18 Disember 2014  
[KKR/PUU/110-1/7/28; PN(PU2)426/LVI]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Menteri Kerja Raya*

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) ACT 1984

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS)  
(NEW NORTH KLANG STRAITS BYPASS EXPRESSWAY) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Federal Roads (Private Management) Act 1984 [Act 306], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (New North Klang Straits Bypass Expressway) Order 2014**.

(2) This Order comes into operation on 23 December 2014.

**Authorization to collect tolls**

2. (1) Jejak Melewar Sdn. Bhd. is authorized for the period from 23 December 2014 to 22 December 2032 to demand, collect and retain the appropriate tolls specified in column (2) of the First Schedule for the Bukit Raja Toll Plaza for either direction, in column (3) of the First Schedule for the Kapar Toll Plaza for either direction, in column (4) of the First Schedule for the Kapar Eastbound Toll Plaza from Kapar to Bukit Raja and from Port Klang to Kapar, in column (5) of the First Schedule for the Kapar Westbound Toll Plaza from Bukit Raja to Kapar and from Kapar to Port Klang for the use of any part of the road known as the New North Klang Straits Bypass Expressway commencing at coordinates N 339212.275, E 386316.274 Rectified Skew Orthomorphic (RSO) Geocentric (GDM2000) Grid proceeding in a continuous north then westerly direction through the Meru Interchange, Kapar Interchange, Bandar Sultan Sulaiman Interchange and Pelabuhan Utara Interchange and ending at coordinates N 333849.847, E 375142.069 RSO Geocentric (GDM2000) Grid, by the classes of vehicles specified in column (1) of the First Schedule.

(2) The road specified in subparagraph (1) for the use of which tolls are authorized to be demanded, collected and retained is shown on the map in the Second Schedule.

**Payment of toll**

3. (1) The toll referred to in subparagraph 2(1) shall be payable by the driver of a vehicle before entering the Bukit Raja Toll Plaza located at kilometre 15 at coordinates N 340190.307, E 386690.561 RSO Geocentric (GDM2000) Grid, Kapar Toll Plaza located at kilometre 9.9 at coordinates N 336603.623, E 376855.171 RSO Geocentric (GDM2000) Grid, Kapar Eastbound Toll Plaza located at kilometre 9.0 at coordinates N 339860.282, E 380181.944 RSO Geocentric (GDM2000) Grid and Kapar Westbound Toll Plaza located at kilometre 9.0 at coordinates N 339646.570, E 380659.287 RSO Geocentric (GDM2000) Grid.

(2) A driver of a vehicle who uses an electronic card or device shall pass through a toll lane having an electronic card or device reader, approach the reader and touch the electronic card or device on the reader, and the toll payable shall be deducted from the electronic card or device.

(3) A driver of a vehicle who uses an electronic tag shall, before passing through the dedicated electronic tag lane, display the electronic tag or the electronic tag with electronic card or device at the windscreen of the vehicle, and the toll payable shall be deducted from the electronic tag or the electronic tag with electronic card or device.

(4) "Electronic card or device" and "electronic tag" referred to in this paragraph means—

- (a) an electronic card or device and electronic tag as approved by the Minister, issued for the purpose of payment of tolls;
- (b) in relation to an electronic card or device, an electronic card or device which is capable of being read by the reader installed at the toll lane; and
- (c) in relation to an electronic tag, an electronic tag which is capable of causing the pole at the dedicated electronic tag lane to be raised electronically.

**Exemption from payment of toll**

4. Notwithstanding the provisions of this Order, the vehicles specified in the Third Schedule are exempted from payment of toll.

**Revocation**

5. The Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (New North Klang Straits Bypass Expressway) Order 2002 [*P.U. (A) 194/2002*] is revoked.

## FIRST SCHEDULE

[Subparagraph 2(1)]

## RATES OF TOLLS


(1) Classes of vehicles	Toll Payable					
	(2) Bukit Raja Toll Plaza	(3) Kapar Toll Plaza	(4) Kapar Eastbound Toll Plaza		(5) Kapar Westbound Toll Plaza	
			Kapar to Bukit Raja	Port Klang to Kapar	Bukit Raja to Kapar	Kapar to Port Klang
1. Vehicles with two axles and three or four wheels (except taxis and buses)	0.60	2.70	1.40	1.60	1.40	1.60
2. Vehicles having two axles and five or six wheels (except buses)	1.10	4.80	2.50	2.80	2.50	2.80
3. Vehicles having three axles or more (except buses)	1.60	6.80	3.50	4.00	3.50	4.00
4. Taxis	0.30	1.40	0.70	0.80	0.70	0.80
5. Buses	0.60	2.40	1.30	1.40	1.30	1.40

For the purpose of calculating the number of axles and wheels of a vehicle, the axles and wheels of any trailer towed by the vehicle shall be included as part of the axles and wheels of the vehicle.

SECOND SCHEDULE

[Subparagraph 2(2)]

MAP OF NEW NORTH KLANG STRAITS BYPASS EXPRESSWAY



THIRD SCHEDULE

[Paragraph 4]

EXEMPTED VEHICLES

1. Any vehicles carrying the Yang di-Pertuan Agong or the Raja Permaisuri Agong, the Rulers or their consorts, the Yang di-Pertua Negeri of the States of Malacca, Penang, Sabah and Sarawak or their wives, the Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan or the Tengku Besar Tampin or their wives, the Tengku Mahkota or the Raja Muda of any State or their wives, the Raja Di-Hilir of Perak or his wife, or any visiting foreign dignitary.
2. Any Government vehicle carrying the Prime Minister or the Deputy Prime Minister.
3. All military vehicles belonging to the Government or to any visiting force as defined in the Visiting Forces Act 1960 [Act 432].
4. All Government vehicles solely engaged in ambulance duties, fire fighting duties, police duties or rescue duties inclusive of rescue team vehicles from the Civil Defence Department and vehicles from the Prison Department whilst on prisoner's escort duties.
5. All vehicles not being Government vehicles solely engaged in ambulance duties, fire fighting duties and rescue duties.
6. All three-wheeled or four-wheeled motorcycles used by any handicapped person.
7. Vehicles having two axels and two wheels.

Made 18 December 2014  
[KKR/PUU/110/7/28; PN(PU2)426/LVI]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Minister of Works*